

WWW - Cyber Crime P-10-21


Siratan Cinta Siber Membelit Gadis-gadis

Budaya sopan masyarakat Timur yang malu berterus terang merupakan antara faktor ramai remaja kini semakin terjebak bercinta secara maya. Biarpun ia bukanlah jenayah, fenomena itu boleh mengundang risiko bahaya tanpa disedari

SETIAP manusia yang berkahwin atau bercerai pasti pernah bercinta. Tidak kira sama ada tempoh percintaan itu memakan masa yang lama atau sekejap, waktu bercinta segala-galanya tampak indah sehingga timbul istilah cinta itu buta. Fenomena bercinta juga mengalami transformasi bentuk medium sejajar dengan perubahan

an zaman semasa.

Jika dahulu pasangan kekasih mula berkenalan dan terpaut hati menerusi pandangan mata. Hari ini di alaf baru yang penuh cabaran globalisasi, ada kalangan remaja mampu bercinta dengan kekasihnya yang tinggal jauh beribu batu. Bukan kerana belajar atau bertugas di seberang laut, tetapi melalui sesi sem-



Teknologi komunikasi maklumat memudahkan manusia berinteraksi, tetapi awas jangan terjebak dalam penipuan sesi sembang menerusi Internet. - Gambar hiasan

bang bual atau *chit-chat* di Internet.

Bezanya, format percintaan kekasih ini pada awalnya bukan sebab tertarik pada paras rupa yang kacak atau cantik bergaya. Fenomena yang lebih dikenali sebagai cinta siber itu berdetik menerusi bicara ayat berteks di skrin yang kemudian dibalas pula dengan ketukan jari di papan kekunci.


Pada zaman ini, pasangan bercinta tidak perlu surat yang pastinya memerlukan kos sampul surat, kertas 'war-kah biru' dan setem atau penat berjalan pergi-balik ke pejabat pos berdekatan. Apa yang perlu hanyalah sebuah komputer dan sambungan Internet. Kiriman maklum balasnya juga amat pantas dan dijamin selamat tanpa mengira cuti umum, bencana alam, siang atau malam.

"Gaya bercinta seperti ini amat sopan dan jauh daripada amalan maksiat ber-dua-duaan di tempat syak. Gejala ini merebak di Malaysia mungkin akibat budaya masyarakat Timur itu sendiri yang malu dan tidak suka berterus terang. Tetapi ada baik dan ada juga buruknya," kata Prof. Suradi Salim dari Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Universiti Malaya.

Dari aspek positif, percintaan sebegini mampu menggalakkan komunikasi dua hala secara aktif tanpa rasa segan kerana pasangan itu tidak perlu bertentang mata. Namun, negatifnya lebih banyak kerana interaksi tanpa bersemuka itu boleh mendedahkan diri kepada risiko penipuan. Lebih-lebih lagi wanita muda yang cepat dan mudah terpedaya.

"Bercinta secara maya tidak salah dan bukan pula satu jenayah siber. Tetapi akibat buruknya juga ada. Lihat contoh di Barat apabila ramai remaja perempuan di sana menjadi mangsa rogol dan lebih bahaya dipaksa oleh teman lelaki terlibat dalam kancah pelacuran selepas berkenalan melalui internet. Gadis mentah perlu berwaspada dan siasat dahulu latar belakang lelaki kenalan sembangnya itu," ujar Suradi.

Setakat ini belum ada kajian secara saintifik termasuk di Barat yang membuat penyelidikan mendalam berkaitan implikasi cinta siber. Terpujanglah pada kebijaksanaan setiap individu



Biarlah bercinta secara bersemuka berbanding sembang melalui Internet yang diragui tahap kebolehpercayaan dan ketelusanannya.

termasuk paparan di media massa dan bimbingan ahli keluarga lain mengenai bahana bercinta trend baru secara atas talian itu.

Prof. Madya Asmah Bee Md. Noor dari Fakulti Pembangunan Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Utara Malaysia, mempunyai pandangan berbeza. Baginya, budaya bercinta siber di negara ini khususnya di kalangan remaja Melayu sudah semacam trend di Barat. Kesannya mengakibatkan golongan itu tidak suka bergaul terbuka secara sopan.

"Budaya sembang ini pun datang dari Barat. Pastinya ia membawa banyak akibat negatif berbanding positif. Kelompok yang bercinta menerusi *chit-chat* boleh dianggap tidak pandai membawa diri dan bersosial di khalayak awam secara beradab. Dunia mereka cuma berlegar di awangan yang tidak berpijak di alam realiti," tegas Asmah Bee.

Sehingga kini belum ada garis panduan jelas bagaimana mengenal pasti profil kenalan sembang di Internet yang biasanya menggunakan nama samaran. Kawalan lebih banyak dalam bentuk gerak hati berdasarkan pendekatan mudah psikologi iaitu tanggapan pertama. Cara kawalan seperti ini belum tentu berkesan bagi kes-kes tertentu.

"Manusia boleh belajar berpandukan kepada pengalaman lalu. Lazimnya, orang yang suka berbohong akan mengulangi balik pembohongannya bagi melindungi pembohongan sebelumnya. Dalam konteks *chit-chat*, kita boleh kesan penipuan dengan melihat bentuk ayat yang sering diguna pakai ketika bersembang. Ayat-ayat itu menjadi tanda pengenalan diri seseo-

rang individu itu," jelasnya.

Bagi Dr. Khaidzir Ismail, pensyarah di Pusat Pengajian Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, pengguna boleh mengelak daripada menjadi mangsa jenayah penipuan akibat sesi sembang Internet itu dengan tidak mudah 'termakan' dengan ayat-ayat berbentuk pujian. Secara psikologi, semua orang suka kepada pujian tetapi biarlah kita menerima pada had-had sederhana.

Di Amerika Syarikat, kata beliau, dianggarkan lebih 40 peratus rakyatnya yang masih lagi mempunyai perasaan malu ketika berdepan dengan orang lain menggunakan Internet sebagai saluran berkomunikasi. Dari segi psikologi, mereka yang gemar berbual secara *chit-chat* itu dikatakan memiliki tahap yakin diri yang rendah apabila berada di khalayak ramai.

"Di Malaysia, belum ada penyelidikan mengenai kekasih bercinta menerusi Internet dan berapa peratus pasangan akhirnya berkahwin atau menjadi mangsa jenayah seksual. Meskipun begitu, secara umum, cinta siber tidak begitu digalakkan khasnya bagi remaja perempuan kerana kadar kebolehpercayaan dan ketelusan cinta Internet diragui," tambah Khaidzir.

Beliau menasihatkan kekasih yang sedang kemaruk bercinta melalui talian maya itu supaya lebih bersikap terbuka tanpa mengambil kesempatan atas kelemahan pasangan masing-masing. Ini kerana cinta siber disifatkan lebih indah khabar daripada rupa. Kata Khaidzir, cinta Internet biasanya banyak kepura-puraan berbanding percintaan langsung secara bersemuka. □